

MyGovUC

E-BULETIN

EDISI 2

KATA-KATA ALUAN PENGURUS PROJEK



Mahanum Binti Daim

Pengurus Projek MyGovUC 3.0
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan
Gunasama Infrastruktur Dan
Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatNya, dapat kita bersama-sama lagi di dalam e-Buletin edisi 2 pada bulan ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua pengguna MyGovUC 3.0.

Sempena Aidiladha ini, seharusnya setiap umat Islam menilai semula pengorbanan dilakukan. Konsep pengorbanan bukan hanya terbatas kepada ibadah sahaja bahkan ia harus diterapkan dalam apa sahaja pekerjaan termasuk dalam menjalankan tugas. Ia juga amat signifikan dan perlu dihayati dalam konteks melaksanakan tanggungjawab termasuklah sebagai penjawat awam. Kesungguhan bekerja, kesanggupan melakukan tugas-tugas walaupun melebihi masa dan kadar upah yang diterima. Pengorbanan dalam menjalankan tugas mencerminkan keikhlasan seterusnya menjadikannya sebagai salah satu ibadah.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Untuk siri kali ini, terdapat beberapa ruangan menarik iaitu **Spotlight**, **Coolstuff** dan **Info Keselamatan**.

Menerusi ruangan **Spotlight**, tema e-Buletin pada kali ini adalah mengenai keselamatan yang merujuk kepada Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad (SPDT). Ia merupakan salah satu perkhidmatan MyGovUC yang disediakan untuk tujuan penghantaran maklumat rasmi dan data terperingkat secara selamat kepada pengguna. SPDT berfungsi sebagai medium penyimpanan sementara bagi dokumen berklasifikasi sulit dan terhad melalui pautan pada e-mel yang menggunakan fungsi *confidential mode*.

Seterusnya yang menarik dalam e-Buletin kali ini mengenai Google Lens yang dikongsikan di dalam ruangan **CoolStuff**. Google Lens merupakan aplikasi yang menggunakan teknologi image recognition untuk memberikan maklumat tambahan tentang objek yang dilihat melalui kamera telefon pintar. Google Lens membolehkan pengguna mengimbas objek fizikal, menterjemah teks dan mengimbas kod QR.

Akhir sekali, ruangan **Info Keselamatan** pula memberi maklumat kepada pengguna berkaitan ciri-ciri utama dan jenis Spam. Spam adalah junk mail, teks atau sesuatu bahan yang dihantar secara **AUTOMATIK** atau **ROBOT GENERATE** yang masuk ke dalam e-mel pengguna. Pendedahan ini adalah penting supaya pengguna lebih berhati-hati terhadap ancaman Spam di dalam penggunaan perkhidmatan dalam talian.

Semoga dengan maklumat yang diberikan dalam edisi ini dapat meningkatkan penggunaan perkhidmatan secara selamat di kalangan pengguna MyGovUC.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ISI KANDUNGAN

- 1 Pemenang eKuiz Edisi 1
- 2 *Coolstuff*
- 3 Info Keselamatan
- 4 *Spotlight*
- 5 Info Terkini
- 6 Akan Datang

TAHNIAH!

Pemenang eKuiz e-BULETIN MyGovUC 3.0 Edisi 1



MOHD HAFIZ BIN SAHLAN

Pejabat Kesihatan Wilayah
Persekutuan Putrajaya



NORLEN BINTI OTHMAN

Jabatan Pendaftaran Negara



CHOY WANG LYNN

Jabatan Kesihatan
Negeri Perlis



**WAN ANIS SYAZANA BINTI
WAN ZULKIFLI**

Biro Pengaduan Awam



MUHAMMAD SHUKRI BIN KHAIRONI

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sibu

TAHNIAH!

Pemenang eKuiz e-BULETIN MyGovUC 3.0 Edisi 1



MUHAMAD SHAHRIMAN BIN MUHAMAD SHARI

Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya



MUHAMMAD SYAFIQ BIN SHAHRUDIN

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)



AZEANA WATI BINTI MAT ISA

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



SITI NORBANI BINTI MALIK

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis




NOORASHAH BINTI SHAMSUDIN

Kementerian Pendidikan Malaysia

GOOGLE LENS


Google Lens merupakan aplikasi yang menggunakan teknologi *image recognition* untuk memberikan maklumat tambahan tentang objek yang dilihat melalui kamera telefon pintar.

Google Lens membolehkan pengguna mengimbas objek fizikal di mana pengguna terus mendapat maklumat yang berkaitan seperti membuat carian jenis-jenis spesies tumbuhan dengan hanya menggunakan gambar.



Google Lens

Google Lens juga boleh menterjemahkan teks lebih daripada 100 bahasa dalam masa nyata (*real-time*), menyalin (*copy*) teks daripada imej, termasuk perenggan, nombor siri dan lain-lain.



Dengan Google Lens, pengguna boleh mengimbas kod QR dan kemudian terus ke pautan yang berkaitan.



TATACARA MENGGUNAKAN GOOGLE LENS

1


Pengguna mestilah mempunyai aplikasi Google. Jika tiada, pengguna boleh memuat turun (*download*) aplikasi Google dari Google Play Store atau App Store.

2


Selepas *download*, buka aplikasi Google dan cari ikon Google Lens.

3

Arahkan kamera telefon pintar ke objek yang ingin dikenal pasti.



SPAM



Spam adalah 'junk mail', teks atau sesuatu bahan yang dihantar secara **AUTOMATIK** atau **ROBOT GENERATE** yang masuk ke dalam e-mel pengguna. Dengan kata lain, SPAM atau biasa disebut sebagai Junk Mail atau unsolicited bulk email (UBE) adalah e-mel yang tidak diinginkan oleh pengguna akaun e-mel dalam bentuk surat, Instant Messaging, Usenet, newsgroup, scam, blog, iklan dan sebagainya.

Ciri-ciri utama SPAM adalah:

1. Menerima e-mel secara banyak dan berulang kali serta tidak diperlukan oleh penerima.
2. E-mel tersebut dihantar kepada sejumlah besar penerima.
3. Tujuan utamanya adalah untuk pengiklanan, mempromosikan produk, perkhidmatan atau laman web.



JENIS - JENIS SPAM

1. Phishing

Phishing adalah satu kaedah penipuan bagi mendapatkan maklumat peribadi seperti perbankan orang lain melalui laman web palsu yang menyerupai laman web asal.



2. Spear Phishing

Penipuan ini lebih spesifik, di mana penjenayah menyamar sebagai individu tertentu, mungkin bos atau rakan sekerja.

3. E-mail Spoofing

Aksi penipuan melalui modus mengirimkan e-mel dengan menggunakan alamat palsu atau berpura-pura sebagai pihak tertentu yang ada pada kenalan e-mel pengguna.



4. Business E-mail Compromise

Satu bentuk penipuan e-mel kepada sesebuah organisasi atau syarikat yang menjalankan urusan niaga jual beli.

Bagaimana Mengenal Pasti E-mel Palsu?

1

E-mel yang tidak mempunyai tajuk atau subjek.

2

Nama penghantar tidak sepadan dengan alamat e-mel mereka.

3

E-mel yang diterima meminta maklumat pengenalan peribadi seperti nama pengguna dan kata laluan.

4

Menggunakan tatabahasa dan ejaan yang salah.

5

Nama domain berbeza dari domain asal.

6

Terdapat lampiran dan pautan yang mencurigakan.


7

E-mel yang diterima menggesa untuk tindakan segera.

CARA TERJADINYA SPAM


1

SPAM e-mel dihantar melalui e-mel palsu




2

Pengguna mengakses pautan melalui domain palsu yang diberi



3

Terjadinya SPAM setelah mengakses pautan berbahaya tersebut



SPDT

PENGENALAN PERKHIDMATAN SPDT

1. Apa itu SPDT

Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad (SPDT) merupakan salah satu perkhidmatan MyGovUC yang disediakan untuk tujuan penghantaran maklumat rasmi dan data terperingkat secara selamat kepada pengguna.


2. Tujuan

Sebagai medium penghantaran dokumen Rahsia Rasmi (Sulit dan Terhad) :


- Digunakan secara selamat kepada pengguna.
- Medium penyimpan sementara bagi dokumen sulit dan terhad.

3. Berada di premis (*on-premise*) Pusat Data Sektor Awam (PDSA).


4. Digunakan bersama fungsi *confidential mode* (GWS).




TATACARA LOG MASUK KE SPDT




1 Log Masuk melalui Portal Rasmi MyGovUC.




2 Sign in di akaun Google Workspace (GWS).



3 Klik pada 9 dots.



4 Klik pada SPDT.



TATACARA MENGGUNAKAN SPDT

1

Memuat Naik Dokumen

Dokumen sulit dan terhad perlu dimuat naik ke SPDT.

2

Mengaktifkan Pautan

Jana pautan daripada dokumen yang telah dimasukkan ke dalam SPDT.

3

Penghantaran E-mel

Pautan yang telah dijana boleh dihantar melalui Gmail dengan klik pada butang 'Compose'.

4

Pengaktifan Confidential Mode

Pastikan penghantaran e-mel dengan pautan Dokumen Sulit Dan Terhad menggunakan fungsi 'Confidential Mode'.

KETETAPAN PENGHANTARAN DAN PENERIMAAN DOKUMEN SULIT DAN TERHAD

Perkhidmatan MyGovUC 3.0 perlu digunakan dengan betul dan patuh kepada ketetapan keselamatan. Maklumat kepatuhan adalah seperti di bawah:



Penghantaran dan penyimpanan **maklumat atau data terbuka dibenarkan di public cloud.**



Penghantaran dan penyimpanan **Maklumat Rahsia Rasmi (Sulit dan Terhad sahaja) di private cloud (PDSA Putrajaya dan ENSTEK)** menggunakan fungsi **SPDT dan Confidential Mode.**



Penghantaran dan penyimpanan **maklumat atau data terbuka dibenarkan di public cloud.**




Penghantaran dan penyimpanan **maklumat atau data terbuka dibenarkan di public cloud.**

Nota

- 1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil 1/2021 - Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam.
- 2 Surat Pekeliling Am Bil 2/2021 - Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan Dalam Perkhidmatan Awam.

Ciri-Ciri Perkhidmatan SPDT



1 Dokumen yang dikongsi melalui pautan e-mel akan dilindungi dengan **fungsi pengesahan kata laluan dan penetapan tarikh tamat** tempoh pautan tersebut.

2 Tempoh simpanan fail 14 hari sahaja dan pada hari ke 15, fail tersebut akan dihapuskan secara automatik.

Fungsi *Confidential Mode*

Confidential mode

Recipients won't have the option to forward, copy, print or download this email. This message may still be visible to your Google Workspace domain admins or [Vault](#) users for periods defined by the domain's [Gmail retention rules](#). [Learn more](#)

SET EXPIRY

Expires in 1 week Sat, 16 Mar 2024

REQUIRE PASSCODE

All passcodes will be generated by Google. ?

☒ No SMS passcode ☐ SMS passcode

Cancel

Save



Content expires on 16 Mar 2024.

Recipients won't have the option to forward, copy, print or download this email. This message may still be visible to your Google Workspace domain admins or Vault users for periods defined by the domain's Gmail retention rules.

[Remove access](#)

Confidential Mode - salah satu ciri dalam Gmail yang berfungsi untuk **melindungi perkongsian maklumat sensitif** kepada pihak yang tidak dikehendaki.

- 1 Menetapkan tarikh tamat tempoh e-mel
- 2 Tidak boleh disalin (*copy*)
- 3 Tidak boleh dimajukan (*forward*) kepada individu lain
- 4 Tidak boleh dicetak
- 5 Tidak boleh dimuat turun

Best Practice Untuk Dokumen Sulit Dan Terhad



Ketetapan Kategori Dokumen

Pastikan anda menyemak kategori dokumen yang ingin dikongsikan.



Cakna Dengan Kapasiti Storan SPDT

Saiz storan SPDT adalah sebanyak 5GB, manakala maksimum saiz dokumen yang boleh dimuat naik adalah sebanyak 4GB



Mengaktifkan Kawalan Dokumen E-mel (*Confidential Mode*)

Pilihan Aktiviti Lain di dalam SPDT

Di dalam SPDT, pengguna boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti lain seperti berikut:

1

Membuat
folder
baharu

2

Diagram
baharu

3

Dokumen
baharu

4

Pembentangan
baharu

5

Spreadsheet
baharu

6

Text File
baharu

7

Menambah
dokumen
ke dalam
favourite


8

Kongsi
dokumen
bersama
pengguna
lain

9


Membuang
dokumen
yang tidak
digunakan
lagi.

Membuat Folder Baharu



1

2




Langkah-langkah untuk membuat folder baharu adalah seperti berikut:

Langkah 1: Klik pada butang 'New'.

Langkah 2: Pilih butang 'New Folder' bagi membuat folder baharu


3




Langkah 3: Masukkan nama folder yang diinginkan pada paparan berikut.

4

Langkah 4: Paparan akan menunjukkan folder yang telah berjaya dicipta.




Membuat *Diagram* Baharu




4

Langkah 4: Paparan akan menunjukkan diagram yang telah berjaya dicipta.



1

2




Langkah-langkah untuk membuat *Diagram* baharu adalah seperti berikut:

Langkah 1: Klik pada butang '**New**'.


Langkah 2: Pilih butang '**New Diagram**' bagi menambah *diagram* baharu ke dalam SPDT.

3




Langkah 3: Masukkan nama yang diinginkan pada ruangan *Filename* seperti paparan di atas.

Membuat *Document* Baharu



1




Langkah-langkah untuk membuat *Document* baharu adalah seperti berikut:

Langkah 1: Klik pada butang 'New'.

Langkah 2: Pilih butang "New Document" bagi membuat dokumen baharu ke dalam SPDT


3




Langkah 3: Masukkan nama dokumen yang diinginkan pada ruangan *Filename* bagi seperti paparan di atas.

4


Langkah 4: Paparan akan menunjukkan *document* yang telah berjaya dicipta.



Membuat *Presentation* Baru



1




2

Langkah-langkah untuk membuat *Diagram* baharu adalah seperti berikut:

Langkah 1: Klik pada butang '**New**'.

Langkah 2: Pilih butang '**New Diagram**' bagi menambah *diagram* baharu ke dalam SPDT.


3



Langkah 3: Masukkan nama yang diinginkan pada ruangan *Filename* seperti paparan di bawah.

4

Langkah 4: Paparan akan menunjukkan diagram yang telah berjaya dicipta.



PERTUKARAN DOMAIN KEMENTERIAN/AGENSI




AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

akar.gov.my → akm.gov.my

STATUS PENGGUNA BAHARU

MyGovUC

-  JUMLAH KERAJAAN NEGERI
-  JUMLAH KEMENTERIAN
-  JUMLAH AGENSI
-  JUMLAH PENGGUNA



MASKOT MYGOVUC 3.0



MAYA

MAIL



Warna yang digunakan

Inspirasi dari tiga warna asas MyGovUC




Pilihan Tangan

Boleh di tukar warna dan bentuk mengikut kesesuaian



Karakter bertemakan

Gabungan daripada manusia & robot



LATIHAN PENGGUNA MYGOVUC

Latihan Pengguna Dalam Talian - Sesi 1

TARIKH :
14 Mei 2024 (Selasa)

MASA :
9.00 pagi - 5.00 petang

TEMPAT :
Secara Dalam Talian

Latihan Pengguna Bersemuka - Sesi 1 (APAD)

TARIKH :
27 Mei 2024 (Isnin)

MASA :
9.00 pagi - 5.00 petang

TEMPAT :
Bilik Latihan Aras 4,
Malaysia Government Call
Centre (MyGCC),
Sky Tech Tower 2,
Jalan Teknokrat 2, Cyberjaya

Latihan Pengguna Bersemuka - Sesi 2 (SUK Negeri Sembilan)

TARIKH :
28 Mei 2024 (Selasa)

MASA :
9.00 pagi - 5.00 petang

TEMPAT :
SUK Negeri Sembilan

Latihan Pengguna Dalam Talian - Sesi 2

TARIKH :
30 Mei 2024 (Khamis)

MASA :
9.00 pagi - 5.00 petang

TEMPAT :
Secara Dalam Talian



AKTIVITI AKAN DATANG !

LATIHAN

Latihan Pengguna akan dilaksanakan dalam bulan Jun dan Julai.

TAKLIMAT

Taklimat Pengguna akan dilaksanakan pada bulan Jun dan Julai.

EKUIZ



**KLIK
QR
UNTUK
MENJAWAB EKUIZ**

Sepuluh (10) responden terpuas dengan jawapan yang betul akan dipilih sebagai pemenang dan akan dihubungi melalui e-mel rasmi pengguna.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur Dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara (JDN)
Kementerian Digital

